

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Lebuh raya KBKK lewat 308 hari

## Lebuh raya KBKK lewat 308 hari

**KOTA BHARU** - Projek Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) bagi Pakej 2B: Ketereh-Kok Lanas sepanjang 6.2 kilometer (km) yang sepatutnya siap bulan lepas mengalami masalah kelewatan sebanyak 308 hari atau 23 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, projek Lebuh Raya KBKK melibatkan tujuh pakej dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.7 bilion dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 2025.

Katanya, sehingga Mei lepas, dua pakej telah siap sepenuhnya manakala lima pakej masih dalam peringkat pembinaan.

"Selain Pakej 2B tersebut, empat lagi iaitu Pakej 2C dan 3A: Kok Lanas-Bukit Tiu sepanjang (19.13 km), Pakej 3B: Kampung Berangan-Mek Nab-Keroh (9.78km) dan Pakej 3C: Keroh-Kuala Krai (8.6km) berjalan mengikut jadual," katanya Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan ketika ini sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempergerusikan Täklimat Status Projek Pembangunan Negeri Kelantan yang bertujuan untuk menyelaras pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Kompleks Kota Darul Naim di sini pada Selasa.

Menurut Mustapa, satu lagi projek 'sakit' ialah pembesaran dan naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di Pengkalan Chepa yang mengalami kelewatan selama 100 hari. -Bernama



MUSTAPA